

Usaha penyatuan semula orang Melayu

# Rundingan hendaklah tanpa syarat — Anwar

UM 24 SEP 1988

**JERANTUT 23 Sept.** — Perundingan yang dicadangkan ke arah penyatuan semula orang-orang Melayu hendaklah terlepas dari sebarang syarat termasuk tuntutan supaya Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad meletakkan jawatan, kata Naib Presiden UMNO (baru), Encik Anwar Ibrahim.

Beliau menegaskan, kehendak bekas-bekas pemimpin parti itu yang mahukan penyokong mereka diberi kedudukan semula dalam kabinet tidak sepatutnya dijadikan sebagai syarat untuk tujuan itu.

"Syarat-syarat yang tidak wajar dan munasabah tidak sepatutnya ditimbulkan kerana ia membebankan para pemimpin bagi mencapai matlamat penyatuan bangsa," ujarnya di perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin bahagian UMNO (baru) dari Pahang Barat di sini hari ini.

Encik Anwar yang juga Menteri Pendidikan menegaskan kumpulan berkenaan jangan meletakkan syarat bagi mengadakan perundingan sekiranya mereka benar-benar ikhlas.

Beliau merasakan,

syarat supaya Datuk Sri Dr. Mahathir meletakkan jawatan adalah tidak wajar kerana beliau adalah presiden yang sah sama ada sebelum UMNO diharamkan ataupun UMNO (baru).

Katanya, Datuk Sri Dr. Mahathir membuka peluang secukupnya bekas-bekas pemimpin parti itu bagi membincangkan bersama setiap masalah yang dihadapi.

Bekas Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam sendiri turut diberi kesempatan itu dan sehingga sekarang Perdana Menteri masih mengatakan kesediaan-

nya berunding demi kepentingan parti dan orang-orang Melayu, tambahnya.

Bagaimanapun, Encik Anwar berkata, peluang yang diberikan itu sebaliknya digunakan oleh mereka yang pernah bersama-sama menganggotai kabinet dahulu untuk memburuk-burukkan Perdana Menteri.

## Karut

Katanya, setengah daripada mereka terus menyebarkan cerita terhadap Perdana Menteri serta pemimpin UMNO (baru) semata-mata didorong oleh sentimen tidak puas hati mereka.

Beliau seterusnya berkata, masalah dalam parti itu lebih mudah diatasi sekiranya mereka yang tewas pada pemilihan lalu sanggup menerima kenyataan.

"Mereka yang kalah hendaklah menerima hakikat tersebut dan menghormati suara ramai yang menjadi teras dalam amalan demokrasi di negara ini," tegasnya.

Tetapi, beliau berkata, apa yang berlaku ialah sebaliknya bila pemimpin yang kalah dan merasakan dirinya mempunyai pengikut berlagak berlawanan dengan keadaan sebenar.